

19 MAY 1999

Sabbaruddin-Jawatan

SABBARUDDIN SAHKAN LEPAS JAWATAN KABINET, S/U AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Sabbaruddin Chik hari ini mengesahkan bahawa beliau akan melepaskan jawatan Kabinetnya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memintanya untuk meletakkan jawatannya pada mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

"Dalam politik memang normal untuk berhenti dan keluar... Kita juga boleh dikeluarkan, ini normal dan cara biasa. Apabila kita dikehendaki berhenti, kita berhenti. Cuma saya tidak mahu kata saya berhenti kerana saya sakit," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Sabbaruddin juga mengesahkan beliau akan melepaskan jawatan Setiausaha Agung Umno.

Sebelum ini laporan akhbar mengatakan Sabbaruddin diramalkan meletak kedua-dua jawatan Kabinet dan parti ekor masalah kesihatan yang berpunca daripada penyakit buah pinggang yang dihidapinya.

Sabbaruddin berkata Dr Mahathir tidak perlu memberi sebab mengapa beliau mahunya meletakkan jawatan kerana ia adalah hak Perdana Menteri dan tidak perlu dipersoalkan.

"Saya tidak mempunyai masalah untuk meninggalkan Kabinet. Ia adalah terpulang kepada Perdana Menteri. Tidak ada sedikit pun persoalan mengapa beliau memberhentikan saya. Tidak boleh dalam parti kita bersikap begitu."

"Apabila kita diminta meletakkan jawatan, kita letak. Kita mesti dan dengan rela berbuat demikian," kata beliau.

Sabbaruddin berkata, beliau tahu tentang rombakan Kabinet yang akan membabitkan beliau pada awal bulan ini setelah Perdana Menteri memintanya menulis surat peletakan jawatannya.

Dr Mahathir akan mengumumkan rombakan kecil Kabinet dalam satu persidangan berita di pejabatnya esok, menurut makluman yang dikeluarkan Bahagian Akhbar Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Ketika ditanya sama ada keputusan Dr Mahathir untuk menggugurkannya itu adalah sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan parti dan kerajaan menjelang pilihan raya umum akan datang, Sabbaruddin berkata:

"Kalau maknanya untuk memperkuat parti, maknanya saya selama ini gagal (dalam menjalankan tugas). Kalau gagal, saya perlu bertanya kenapa saya gagal dan sepatutnya saya diberitahu.

"Saya tidak tahu mengapa dan tidak perlu diberi sebab, cuma saya tahu rombakan kabinet adalah normal," katanya.

Beliau berkata, soal meninggalkan parti tidak timbul sama-sekali kerana kesetiaan dan ketaatan kepada parti dan pucuk pimpinan Dr Mahathir melebihi daripada segala-galanya.

"Janganlah menjangka saya akan menyertai mana-mana parti selain daripada Umno. Pendek kata, orang saya jika masuk parti lain akan menjadi musuh saya. Dari segi parti tidak usah bimbanglah. Saya tidak marah sesiapa, apa pula saya hendak berhenti dari Umno," katanya.

Mengenai perancangannya selepas ini, Sabbaruddin berkata setakat ini beliau tidak mempunyai apa-apa rancangan selain daripada mengukuhkan jentera parti di peringkat bahagiannya (Temerloh) bagi menghadapi pilihan raya umum.

Sementara itu, keadaan di pejabat beliau agak sibuk dengan beberapa pekerja kelihatan mengemaskan barang-barang peribadinya untuk dimasukkan ke dalam kotak.

-- BERNAMA
MHI RZS NMO